



## Tinjauan Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan oleh Staf Profesional Uitm Cawangan Sabah

SITI AMINAH MOHAMMAD<sup>1, a</sup>, NOR ALHANA ABD MALIK<sup>1, b</sup> dan HAZLENAH HANAFIAH<sup>1, c</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah, Malaysia

<sup>a</sup>[ct\\_syamin@uitm.edu.my](mailto:ct_syamin@uitm.edu.my), <sup>b</sup>[noral801@uitm.edu.my](mailto:noral801@uitm.edu.my)  
& <sup>c</sup>[hazlenahh@uitm.edu.my](mailto:hazlenahh@uitm.edu.my)

### Abstrak

Zakat pendapatan merupakan kewajipan zakat yang dikenakan ke atas hasil pendapatan individu, termasuk gaji, bonus, elaun, komisen serta pendapatan profesional seperti bayaran perkhidmatan atau konsultasi. Golongan profesional tergolong dalam kumpulan yang berkemampuan dan lazimnya memenuhi syarat wajib zakat apabila cukup nisab dan haul, sebagaimana ditetapkan oleh syarak. Kajian ini bertujuan meninjau tahap kefahaman, kesedaran dan kepatuhan terhadap kewajipan zakat pendapatan dalam kalangan staf profesional di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi asas kepada perancangan strategi dan pemantapan pelaksanaan zakat pendapatan dalam kalangan profesional di institusi pendidikan tinggi.

Kata Kunci : Zakat Pendapatan, Staf Profesional, Institusi Pengajian Tinggi, UiTM

### 1.0 Pengenalan

Zakat pendapatan atau dikenali sebagai *al-mal al-mustafad* adalah kewajipan zakat yang dikenakan ke atas hasil pendapatan individu. Pendapatan atau imbuhan termasuk gaji, elaun, bonus, dividen, bayaran perkhidmatan profesional, royalti, pampasan dan lain-lain pendapatan daripada sumber yang dibenarkan syarak. Menurut Fatwa Negeri Sabah dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Hukum Syarak Negeri Sabah (26 Ogos 1998) memutuskan bahawa umat Islam di negeri Sabah wajib membayar zakat pendapatan atau imbuhan semasa bekerja atau selepas bersara. Keputusan zakat pendapatan ini telah diwartakan pada 20 Februari 2003 di bawah Seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah 1992. Fatwa negeri Sabah menetapkan beberapa syarat asas perlu dipenuhi setiap individu untuk membayar zakat iaitu zakat hanya wajib ke atas individu muslim yang merdeka, individu mempunyai kawalan penuh terhadap pendapatan, hasil pendapatan mesti daripada sumber yang dibenarkan syarak, nilai pendapatan dalam haul setahun mesti sama atau melebihi nilai emas (semasa), genap haul iaitu pendapatan dipunyai selama tempoh haul (1 tahun), harta produktif iaitu pendapatan hasil daripada sumber yang boleh berkembang. Zakat pendapatan adalah penting dalam ekonomi Islam dan ia merangkumi beberapa dimensi utama. Zakat pendapatan merupakan tanggungjawab agama dan merupakan antara rukun Islam, oleh itu ia adalah kewajipan yang ditetapkan dalam syariat Islam dan menjadi bukti ketaatan kepada Allah SWT. Dana zakat yang diperolehi diurus dan diagihkan oleh pusat zakat dan digunakan dalam pembangunan ekonomi ummah. Pengagihan dana zakat ini dapat membantu mengurangkan jurang ekonomi antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah dan ia dapat membantu menstabilkan masyarakat dengan mengurangkan kadar kemiskinan.

Kepatuhan pembayaran zakat pendapatan khususnya golongan profesional adalah sangat penting, oleh itu kajian ini meninjau tahap kesedaran, kefahaman dan kepatuhan dalam pembayaran zakat pendapatan. Hasil kajian ini dapat mengenalpasti faktor pendorong dan penghalang dalam kepatuhan membayar zakat pendapatan dan ia sangat signifikan dalam perancangan strategi dan pemantapan pelaksanaan zakat pendapatan dalam kalangan profesional di institusi pendidikan tinggi.

### 2.0 Sorotan Literatur

Zakat pendapatan merupakan salah satu instrumen kewangan Islam yang diwajibkan kepada Muslim yang memperoleh pendapatan melalui gaji, elaun, bonus dan lain-lain (Mohd Nor, Wahid, & Abdullah, 2004). Pengetahuan jelas mengenai definisi, syarat dan asas pengiraan zakat amat penting bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pembayar zakat (Baharuddin Sayin, 2011). Selain itu, kefahaman mendalam mengenai fiqh zakat turut memastikan pengiraan dan pembayaran zakat dilakukan dengan sah dan berkesan (Al-Qaradhawi, 2001). Di Malaysia, konsep zakat pendapatan diperkukuh melalui keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengiktiraf pendapatan pekerjaan sebagai harta yang wajib dizakatkan (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2015). Namun demikian, cabaran seperti kekeliruan



pengiraan terutama berkaitan had kifayah dikenal pasti sebagai faktor utama ketidaktepatan pembayaran zakat (Azman Ab Rahman, Nor, & Wahid, 2016). Secara keseluruhan, zakat pendapatan merupakan penyumbang utama hasil kutipan zakat di Malaysia dan telah menjadi fokus pelbagai kajian akademik. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengetahuan, kefahaman fatwa, sikap terhadap ibadah dan motivasi diri mempengaruhi niat dan amalan pembayaran zakat (Fidlizan et al., 2023; Haji-Othman et al., 2018). Selain itu, kepercayaan terhadap pengurusan dan kualiti perkhidmatan juga penting dalam mempengaruhi pematuhan zakat (Mohamed Nor & Wahid, 2022; Noor Hashimah & Amizawati, 2018; Hairunnizam et al., 2007). Kajian oleh Muhsin Nor Paizin et al. (2022) pula menunjukkan bahawa pematuhan, keyakinan, pengetahuan, motivasi, kaedah pembayaran, peraturan zakat dan pengurusan lembaga zakat adalah faktor penting dalam meningkatkan kutipan zakat semasa pandemik Covid-19. Dalam kalangan kakitangan kerajaan Malaysia, pengetahuan zakat, kepercayaan terhadap pengurusan zakat dan kemudahan pembayaran mempengaruhi tahap kepatuhan (Siti Zulaikha, Wahid, & Mohd Noor, 2021; Nasir, Wahid, & Mohd Noor, 2021). Malah, sebahagian mereka membayar zakat melebihi kadar wajib sebagai manifestasi kesedaran dan tanggungjawab sosial yang tinggi (Nasir et al., 2021). Dalam kalangan kakitangan institusi pendidikan tinggi, walaupun pengetahuan mengenai zakat daripada gaji pokok dan elaun tinggi, kefahaman tentang pendapatan sampingan masih rendah (Fidlizan et al., 2016). Kajian oleh Khalil, Amin, dan Azman (2020) meneliti kesan sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dirasai dan taqwa terhadap niat membayar zakat pendapatan dalam kalangan penjawat awam muda di Sabah. Hasil kajian mendapati sikap, norma sosial dan kawalan tingkah laku yang dirasai berkait rapat dengan niat kepatuhan. Manakala taqwa memainkan peranan penting dengan sikap berfungsi sebagai pengantara antara taqwa dan niat kepatuhan.

Kemajuan teknologi turut menyumbang kepada peningkatan kepatuhan pembayaran zakat. Portal zakat atas talian dengan e-kalkulator memudahkan pengiraan dan pembayaran secara tepat dan efisien, sekaligus meningkatkan kepatuhan (Hamid, Hashim, & Yusof, 2019). Selain itu, skim potongan gaji dapat meningkatkan kutipan zakat pendapatan, terutamanya dalam kalangan staf profesional di UiTM Sabah (Malik, Tarmuji, & Amran, 2022). Kemudahan ini bukan sahaja menjimatkan masa dan usaha, malah mengurangkan risiko tertanggung atau terlepas membayar zakat terutama bagi golongan profesional dengan jadual kerja padat. Walaupun banyak kajian membincangkan faktor mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat, kajian khusus tentang tahap kefahaman staf profesional di Sabah dan kesannya terhadap kepatuhan masih terhad. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menilai sejauh mana kefahaman zakat dapat meningkatkan kepatuhan pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan staf UiTM Cawangan Sabah, sekali gus membantu merangka strategi lebih berkesan untuk memperkukuh tahap kepatuhan pada masa hadapan.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Pemilihan kaedah membolehkan pengumpulan data dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh. Data dikumpul melalui borang soal selidik berstruktur yang dibangunkan berdasarkan kepatuhan zakat pendapatan. Soal selidik ini mengandungi 4 bahagian utama: maklumat demografi responden, tahap kesedaran, tahap kefahaman dan kepatuhan terhadap kewajipan menunaikan zakat pendapatan. Instrumen yang digunakan dalam soal selidik adalah dalam bentuk skala lima mata yang bermula dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Soal selidik diedarkan secara atas talian (*Google Form*) bagi memudahkan capaian responden. Kaedah pensampelan rawak mudah digunakan dan hanya merangkumi staf kumpulan A profesional di UiTM Cawangan Sabah. Dalam kajian ini, penentuan saiz sampel yang dilakukan adalah menggunakan perisian G\*Power 3.1 (Faul.F et al., 2007) yang membolehkan pemilihan dijalankan secara mudah dan tepat. Jumlah populasi yang terdiri staf kumpulan A profesional di UiTM cawangan Sabah adalah seramai 164 orang. Golongan ini dipilih kerana mereka merupakan individu yang berpendapatan stabil dan termasuk dalam kumpulan yang layak untuk menunaikan zakat pendapatan. Hasil daripada analisis menggunakan perisian G\*Power menunjukkan bahawa saiz sampel minimum yang diperlukan adalah seramai 49 orang. Kajian ini melibatkan seramai 50 responden sekali gus memenuhi syarat minimum yang ditetapkan. Data yang diperolehi akan dianalisa menggunakan perisian *Statistical Software for Social Sciences* (SPSS) versi 28.0. Kajian ini melibatkan penerapan analisis deskriptif bagi meneliti aspek demografi responden serta mengenal pasti pola tahap kesedaran, kefahaman dan kepatuhan terhadap kewajipan zakat pendapatan. Pendekatan ini menyumbang kepada hasil analisis yang menggambarkan ciri-ciri umum responden dan kecenderungan respon terhadap setiap konstruk yang dikaji. Terlebih dahulu, soal selidik ini telah diuji melalui kajian rintis untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian. Sebaliknya, bagi mengkaji korelasi antara pembolehubah, ujian korelasi pangkat spearman digunakan. Kaedah ini sesuai memandangkan data adalah berbentuk ordinal dan tidak memenuhi andaian normaliti. Analisis korelasi dijalankan bagi mengkaji sejauh mana tahap kefahaman responden terhadap kewajipan zakat berkait rapat dengan tahap kesedaran mereka. Selain itu, kajian korelasi ini turut meneliti hubungan antara tahap kefahaman dan tahap kepatuhan terhadap pembayaran zakat pendapatan. Secara amnya, analisis korelasi pangkat spearman yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah bertujuan



untuk mengenalpasti sama ada wujud hubungan yang signifikan dan kekuatan hubungan tersebut. Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan. Responden diberi borang persetujuan termaklum dan jaminan bahawa maklumat yang diberikan adalah sulit dan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

#### 4.0 Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 Demografi Responden

Jadual 1: Jadual Latar Belakang Demografi

| Pemboleh Ubah                       | Kategori             | Kekerapan (%) | Mod | SP   |
|-------------------------------------|----------------------|---------------|-----|------|
| <b>Jantina</b>                      | Lelaki               | 19 (38)       | 2   | 0.49 |
|                                     | Perempuan            | 31 (62)       |     |      |
| <b>Umur</b>                         | 22 hingga 32         | 4 (8)         | 2   | 0.71 |
|                                     | 33 hingga 43         | 22 (44)       |     |      |
|                                     | 44 hingga 54         | 22 (44)       |     |      |
|                                     | 55 dan ke atas       | 2 (4)         |     |      |
| <b>Kelayakan Akademik Tertinggi</b> | SPM                  | 4 (8)         | 4   | 1.13 |
|                                     | Diploma/STPM         | 5 (10)        |     |      |
|                                     | Sarjana Muda         | 6 (12)        |     |      |
|                                     | Sarjana              | 27 (54)       |     |      |
|                                     | Doktor Falsafah      | 8 (16)        |     |      |
| <b>Bilangan Tanggungan</b>          | Tiada                | 13 (26)       | 2   | 0.51 |
|                                     | 1 hingga 3           | 35 (70)       |     |      |
|                                     | 4 hingga 6           | 2 (4)         |     |      |
|                                     | 7 dan ke atas        | 0 (0)         |     |      |
| <b>Tempoh Perkhidmatan</b>          | Kurang setahun       | 2 (4)         | 4   | 0.98 |
|                                     | 1 hingga 5 tahun     | 12 (24)       |     |      |
|                                     | 6 hingga 10 tahun    | 3 (6)         |     |      |
|                                     | 11 tahun dan ke atas | 33 (66)       |     |      |

Jadual 1 menunjukkan majoriti responden adalah perempuan dan sebahagian besar responden berumur antara 33 hingga 43 tahun. Kebanyakan responden mempunyai kelayakan akademik Sarjana dan majoriti responden mempunyai bilangan tanggungan 1 hingga 3. Tempoh perkhidmatan responden sebahagian besar adalah 11 tahun ke atas.

##### 4.2 Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kesedaran dan Kefahaman Zakat

Jadual 2: Ujian Kebolehpercayaan

| Konstruk                            | Bil. Item | Nilai Cronbach's Alpha | Tahap Kebolehpercayaan |
|-------------------------------------|-----------|------------------------|------------------------|
| Kesedaran Terhadap Zakat Pendapatan | 7         | 0.856                  | Tinggi                 |
| Kefahaman Terhadap Zakat Pendapatan | 5         | 0.714                  | Sederhana              |

Bagi konstruk kesedaran dan kefahaman, data yang dikumpul adalah berskala ordinal, oleh itu ujian kebolehpercayaan menggunakan Cronbach's Alpha dijalankan bagi menilai keseragaman dalaman item-item dalam setiap konstruk. Berdasarkan jadual 2, nilai Cronbach's Alpha bagi konstruk kesedaran adalah 0.856, iaitu pada tahap tinggi. Ini menunjukkan item-item di bawah konstruk ini mempunyai keseragaman dalaman yang baik dan konsisten dalam mengukur tahap kesedaran terhadap zakat pendapatan. Sebaliknya, konstruk kefahaman memperoleh nilai Cronbach's Alpha pada tahap sederhana (0.714) yang menunjukkan kebolehpercayaan yang boleh diterima walaupun terdapat ruang penambahbaikan bagi meningkatkan konsistensi dalaman. Konstruk kepatuhan diukur menggunakan data nominal, justeru ujian kebolehpercayaan tidak sesuai di aplikasikan memandangkan ianya tidak mempunyai susunan atau jarak antara kategori.



#### 4.3 Tahap Kesedaran Staf Terhadap Kewajipan Membayar Zakat Pendapatan

Jadual 3: Tahap Kesedaran Zakat Pendapatan

| Item                                          | Mod | SP   |
|-----------------------------------------------|-----|------|
| Diwajibkan kepada semua umat islam            | 5   | 0.65 |
| Hukum tidak membayar zakat adalah berdosa     | 5   | 0.57 |
| Membantu golongan asnaf dan fakir miskin      | 5   | 0.52 |
| Di bayar secara bulanan atau tahunan          | 5   | 0.48 |
| Terdapat kalkulator zakat pendapatan          | 5   | 0.73 |
| Pembayaran boleh dibuat melalui potongan gaji | 5   | 0.41 |
| Layak dituntut sebagai rebat cukai pendapatan | 5   | 0.58 |

Tahap kesedaran dalam kajian ini merangkumi 7 item yang mengukur sejauh mana kesedaran responden terhadap kewajipan membayar zakat pendapatan. Berdasarkan jadual 3, mod bagi tahap kesedaran adalah 5. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden sangat bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang dikemukakan berkaitan kesedaran terhadap zakat pendapatan. Nilai mod yang maksimum mencerminkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan staf profesional di UiTMCSH. Manakala julat sisihan piawai adalah antara 0.41 hingga 0.73 yang menunjukkan konsistensi yang agak baik dalam kalangan responden dengan sebahagian besar memberi respon yang hampir serupa.

#### 4.4 Tahap Kefahaman Staf Terhadap Kewajipan Membayar Zakat Pendapatan

Jadual 4: Tahap Kefahaman Zakat Pendapatan

| Item                                                                                                                                   | Mod | SP   |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|------|
| Semua jenis pendapatan halal boleh dikenakan zakat                                                                                     | 5   | 0.57 |
| Selain gaji pokok, sumber pendapatan seperti elaun, bonus, komisen dan pendapatan sampingan termasuk dalam pengiraan zakat pendapatan. | 5   | 0.83 |
| Kadar zakat ialah 2.5% daripada jumlah pendapatan tahunan                                                                              | 5   | 0.67 |
| Bilangan tanggungan di ambil kira dalam pengiraan zakat                                                                                | 5   | 0.73 |
| Perbelanjaan keperluan asas yang dibenarkan syarak boleh di ambil kira dalam pengiraan zakat pendapatan gaji                           | 5   | 0.92 |

Hasil analisis dalam jadual 4 di atas menunjukkan bahawa nilai mod bagi kelima-lima item pengukuran kefahaman zakat pendapatan adalah 5, yang menandakan bahawa sebahagian besar responden berada pada tahap persetujuan yang tertinggi terhadap kenyataan yang diberikan. Ini menjelaskan bahawa pemahaman mereka terhadap konsep dan pelaksanaan zakat pendapatan adalah baik. Sementara itu, nilai sisihan piawai berada pada julat di antara 0.57 hingga 0.92. Ia mencerminkan keseluruhan taburan data mempunyai kecenderungan yang konsisten ke arah pemahaman yang kukuh. Dapatan ini memberi gambaran bahawa sebilangan besar responden telah memperoleh pengetahuan yang mantap tentang zakat pendapatan, sama ada melalui pendidikan formal, ceramah agama atau sumber maklumat lain yang relevan.




#### 4.5 Tahap Kepatuhan Staf Terhadap Kewajipan Membayar Zakat Pendapatan

Jadual 5: Tahap Kepatuhan Zakat Pendapatan

| Item                                                                          | Mod   | SP   |
|-------------------------------------------------------------------------------|-------|------|
| Sudah menunaikan kewajipan zakat pendapatan                                   | Ya    | 0.37 |
| Membayar zakat setiap tahun secara konsisten                                  | Ya    | 0.37 |
| Membayar zakat pendapatan berdasarkan gaji pokok sahaja                       | Tidak | 0.49 |
| Menyemak kelayakan dan jumlah zakat pendapatan setiap tahun                   | Ya    | 0.44 |
| Tetap membayar zakat pendapatan walaupun tiada pemantauan daripada pihak lain | Ya    | 0.30 |

Tahap kepatuhan zakat pendapatan yang diukur melalui lima item seperti dalam jadual 5 adalah merujuk kepada sejauh mana responden benar-benar melaksanakan kewajipan tersebut dalam amalan. Hasil kajian menunjukkan responden telah menunaikan zakat pendapatan dan dibuat secara konsisten, tidak hanya berpandukan gaji pokok semata-mata, malah menyemak kelayakan pembayaran setiap tahun dan tetap melaksanakan kewajipan walaupun tiada pemantauan. Dapatan ini menggambarkan tahap kepatuhan yang kukuh di kalangan responden, di mana amalan pembayaran zakat pendapatan di lakukan secara berterusan dan berlandaskan kesedaran, kefahaman serta rasa tanggungjawab, bukan semata-mata kerana tekanan atau penguatkuasaan.

#### 4.6 Mod Pembayaran Zakat Pendapatan



Rajah 1: Mod Pembayaran Zakat Pendapatan

Dapatan kajian berkenaan cara pembayaran zakat pendapatan dapat di gambarkan dalam rajah 1 di mana majoriti responden (72%) memilih untuk menggunakan kaedah potongan gaji sebagai cara utama pembayaran zakat. Ia mencerminkan kecenderungan kepada pendekatan yang lebih mudah, automatik dan konsisten dalam menunaikan kewajipan zakat. Potongan gaji bukan sahaja memudahkan proses pembayaran, malah membantu memastikan pembayaran zakat di buat secara berkala tanpa tertangguh.

#### 4.7 Korelasi antara Konstruk Zakat Pendapatan



Jadual 5: Korelasi antara Konstruk Zakat Pendapatan

| Konstruk  | Kesedaran | Kefahaman | Kepatuhan |
|-----------|-----------|-----------|-----------|
| Kesedaran | 1.000     | 0.441*    | 0.327*    |
| Kefahaman | 0.441*    | 1.000     | 0.327*    |
| Kepatuhan | 0.327*    | 0.327*    | 1.000     |

Nota:  $\rho < 0.05^*$ , hubungan signifikan pada aras keertian 5%

Hasil analisis korelasi pangkat spearman menunjukkan terdapat hubungan positif sederhana dan signifikan antara tahap kesedaran dan kefahaman ( $r = 0.441, \rho < 0.05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kesedaran responden terhadap zakat pendapatan, semakin tinggi juga tahap kefahaman mereka. Secara positifnya, responden yang mempunyai kesedaran yang tinggi kemungkinan akan lebih peka terhadap maklumat dan peraturan mengenai zakat pendapatan. Selain itu, hubungan positif yang signifikan juga ditemui antara tahap kefahaman dan kepatuhan ( $r = 0.307, \rho < 0.05$ ). Ini bermakna apabila tahap kefahaman staf meningkat terhadap zakat pendapatan, kecenderungan mereka untuk mematuhi pembayaran zakat pendapatan juga meningkat. Namun demikian, walaupun hubungan ini signifikan, ianya hanyalah sederhana di tahap rendah sahaja menandakan bahawa kefahaman semata-mata tidak menjamin responden akan mematuhi pembayaran zakat pendapatan. Ini adalah kerana dijangkakan terdapat faktor lain seperti sikap, pengaruh sosial dan perseptif terhadap pengurusan zakat yang turut memberi kesan kepada amalan kepatuhan zakat pendapatan.

## 5.0 Kesimpulan dan Cadangan

Dapatan kajian ini menunjukkan staf profesional UiTMCSH mempunyai tahap kesedaran, kefahaman dan kepatuhan yang tinggi dalam membayar zakat pendapatan. Ini mencerminkan keberkesanan usaha institusi zakat dalam menyebarkan maklumat dan keyakinan staf profesional UiTMCSH terhadap kewajiban dan manfaat zakat pendapatan. Terdapat hubungan signifikan korelasi antara kesedaran dan kefahaman staf profesional UiTMCSH, di mana semakin tinggi kesedaran maka semakin tinggi kefahaman terhadap pembayaran zakat pendapatan. Ini menunjukkan penerimaan positif oleh staf profesional UiTMCSH terhadap tanggungjawab agama terutamanya dalam pembayaran zakat pendapatan. Secara optimisnya, staf profesional yang mempunyai kesedaran dan kefahaman yang tinggi berkemungkinan akan lebih peka terhadap maklumat dan peraturan zakat pendapatan yang dilaksanakan. Manakala hubungan signifikan korelasi antara kefahaman dan kepatuhan adalah sederhana, ini menunjukkan bahawa walaupun faktor kefahaman adalah penting namun ia perlu disokong dengan faktor motivasi, dorongan dan kemudahan operasi bagi membantu dalam meningkatkan kadar kepatuhan. Oleh itu, bagi memastikan kadar kepatuhan pembayaran zakat terus meningkat, beberapa cadangan langkah strategik yang boleh dilaksanakan oleh pihak institusi zakat dan pihak berkepentingan. Pertama, kempen atau program kesedaran dan pendidikan berterusan berkaitan pembayaran zakat yang menekankan peranannya sebagai instrumen keadilan sosial dan pembangunan ummah. Kedua, kerjasama antara institusi zakat dan organisasi/jabatan dalam melaksanakan kempen potongan gaji kepada staf yang berkecualan. Di mana kemudahan saluran pembayaran dan proses menunaikan zakat melalui potongan gaji ini dapat mengurangkan halangan daripada segi masa dan prosedur. Ketiga, menambahbaik sistem e-kalkulator zakat pendapatan institusi zakat Negeri Sabah sedia ada dengan mengambil kira tanggungan/komitmen yang bersifat keperluan dan mengikut kadar semasa.

Kepentingan kepatuhan pembayaran zakat pendapatan amat signifikan daripada sudut agama, ekonomi, sosial dan pembangunan ummah. Hasil kajian menunjukkan staf profesional UiTMCSH telah menunaikan zakat pendapatan secara konsisten dan membuat semakan amaun yang perlu dibayar walaupun tiada pemantauan atau penguatkuasaan dilakukan. Oleh itu dalam memantapkan lagi pengurusan zakat pendapatan, perancangan strategik dan pelaksanaan yang sistematik disertai dengan kempen dan pendidikan berterusan perlu dibuat demi membantu meningkatkan keyakinan pembayar zakat khususnya dalam pembayaran zakat pendapatan.



## Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T).
- Al-Qaradhwawi, Y. (2001). *Fiqh al-Zakah* (Vol. 2). Maktabah al-Risalah.
- Azman Ab Rahman, Nor, A. M., & Wahid, H. (2016). Analisa item dan kadar penolakan had kifayah zakat pendapatan di Malaysia. Dalam N. Ismail, N. Yusoff, & M. H. Nordin (Eds.), *Isu kontemporari had kifayah zakat dan pengurusan di Malaysia* (ms. 55–65). USIM Press.
- Faul, F., Erdfelder, E., Lang, A.-G., & Buchner, A. (2007). G\*Power 3: A flexible statistical power analysis program for the social, Behavioral, and Biomedical Sciences. *Behavior Research Methods*, 39(2), 175–191. <https://doi.org/10.3758/bf03193146>
- Fidlizan, M., Abdul Razak, A., Abdul Hadi, F. S., & Saidin, N. H. (2016). Tahap pengetahuan kakitangan akademik UPSI mengenai zakat pendapatan daripada pelbagai sumber. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 1–12. <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/215>.
- Fidlizan, M., Abdul Razak, A., Abdul Hadi, F. S., & Saidin, N. H. (2023). Kepatuhan pengiraan zakat pendapatan kumpulan profesional di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Sains Humanika*, 8(3), Article 734.
- Hamid, M. R. A., Hashim, N. H., & Yusof, S. M. (2019). E-zakat portal as a catalyst for improving zakat collection: A review of user acceptance factors. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 28(16), 264–276. <http://serisc.org/journals/index.php/IJAST/article/view/18837>.
- Haji-Othman, Y., Fisol, W. N. M., & Yusuff, M. S. S. (2018). The moderating effect of Islamic religiosity on compliance behavior of income zakat in Kedah, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 8(2), 281–286. <https://doi.org/10.6007/IJARAFMS/v8-i2/4382>.
- Hairunnizam, W., Yusoff, W. N. M., & Hairul, N. (2007). Factors influencing zakat payment compliance in Malaysia. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 3(2), 9–17.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2015). Keputusan fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan berkaitan zakat pendapatan. Kementerian di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama Islam).
- Malik, N. A. A., Tarmuji, R., & Amran, S. N. (2022). Ramalan kutipan zakat staf UiTM Cawangan Sabah melalui skim potongan gaji. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 68–72. Majmuah Enterprise.
- Mohamed Nor, M. H., & Wahid, H. (2022). Kesan kefahaman fatwa zakat pendapatan penggajian terhadap gelagat membayar zakat pendapatan: Kajian di Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1). <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/215>.
- Mohd Nor, M. H., Wahid, H., & Abdullah, M. R. (2004). Zakat pendapatan: Konsep dan pelaksanaan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Zakat*, 1(1), 12–26.
- Nasir, S. Z., Wahid, H., & Mohd Noor, M. A. M. (2021). Pembayaran zakat pendapatan melebihi kadar kewajipan zakat: Kajian dalam kalangan kakitangan kerajaan di Malaysia. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 43(1), 135–150.
- Najwa Mohd Khalil, H., Amin, H., & Azman, N. S. (2020). Compliance intention to pay zakat on salary: A case from East Malaysia. *International Journal of Zakat*, 5(2), 37–50.
- Noor Hashimah Mohd Shafie, & Amizawati Mohd Amir. (2018). Kesan faktor individu dan faktor persekitaran terhadap pematuhan zakat pendapatan. *International Journal of Business, Economics and Law*, 15(3), 12–18.
- Siti Zulaikha, N., Wahid, H., & Mohd Noor, M. A. M. (2021). Faktor yang mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan kerajaan Malaysia. *Jurnal Pengurusan Islam*, 22(1), 34–50.